

26/11/2000

Pengundi diminta tolak Keadilan

KULIM: Pengundi diminta menolak Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, Rabu ini, kerana parti itu sedang berusaha di luar negara untuk menghancurkan Malaysia.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, menyifatkan tindakan pemimpin Keadilan itu sebagai "petualang" yang mahu menghancurkan ekonomi negara.

"Barisan Nasional (BN) berusaha mencari pelabur luar, mereka (Keadilan) ke luar negara membuat fitnah dan menggesa negara luar jangan melabur di Malaysia," katanya berucap dalam majlis penerangan di bilik gerakan BN Taman Selasih, di sini, malam kelmarin.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Ketua Pemuda Keadilan, Ezam Mohd Nor, sebelum ini mengakui secara terbuka beliau terbabit menjalankan kempen untuk memberi tekanan kepada Malaysia di luar negara, termasuk Amerika Syarikat.

Baru-baru ini, tujuh anggota Kongres Amerika Syarikat memfailkan petisyen kepada Dewan Perwakilan negara itu mendesak kerajaan membicarakan semula bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim atau menggugurkan semua tuduhan terhadapnya.

Sehubungan itu, Muhammad berkata rakyat perlu menolak Keadilan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Lunas, Rabu ini.

"Rakyat nampak bagaimana kira-kira 2,000 orang hilang pekerjaan apabila sebuah kilang di Pulau Pinang ditutup baru-baru ini.

"Di Kedah ada kira-kira 15,000 lepasan Sijil Pelajaran Malaysia setiap tahun. Di mana mereka ini hendak bekerja jika kilang (milik pelabur asing) ditutup," katanya.

Beliau juga berkata sentimen perkauman tidak wajar dijadikan ukuran pada pilihan raya kecil ini sebaliknya lambang parti yang perlu ditimbang.

"Kita menyokong MIC kerana dia sokong BN. Syed Razak orang Melayu, Dr Mahathir (Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) orang Melayu, Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) orang Melayu.

"Kita sokong lambang (BN), bukan calon," katanya.

(END)